



## KETAHUI LEBIH LANJUT MENGENAI

- AIR DAN KESIHATAN
- AIR DAN MAKANAN
- AIR DI NEGARA KITA



Air adalah amat penting bagi kehidupan


Jabatan Perkhidmatan Air  
Jabatan Kerja Raya  
Kementerian Pembangunan

Jln Tasek Lama, Bandar Seri Begawan, BS8310,  
Negara Brunei Darussalam  
Tel: 2220292 Fax: 2221993

Laman web: ebis.pwd.gov.bn/ebis  
Emel: dwapwd@pwd.gov.bn  
MOD CCC Hotline: 140

## AIR

- Ia memberikan setiap kehidupan dengan tenaga dan makanan
- Ia membantu tanaman dan ternakan
- Ia mengekalkan persekitaran yang bersih
- Ia adalah penting bagi kesihatan



### AIR DAN KESIHATAN

- Tubuh manusia mengandungi sekitar 65% air dan ia membantu fungsi fizikal badan kita.
- Seseorang itu mestilah mengambil sekurang-kurangnya 2 liter air setiap hari untuk kehidupan yang sihat.
- Air minuman awda mengandungi Fluorida yang membantu mencegah kerosakan gigi.
- Air bersih diperlukan untuk kehidupan yang aktif dan sihat.
- Air minuman yang 'kotor' atau tercemar boleh menyebabkan terjejasnya kesihatan awda.

Kandungan mineral di dalam air adalah penting untuk kesihatan kita.



#### Kalsium

penting untuk kesihatan tulang

#### Magnesium

penting untuk kesihatan kardiovaskular

#### Fluorida

berkesan dalam mencegah kerosakan gigi

#### Natrium

elektrolit penting untuk tubuh badan

#### Klorida & Bikarbonat

membantu mengimbangi sistem penghadaman

#### Zat Besi

membantu dalam penghantaran oksigen ke sistem darah

### AIR DAN MAKANAN

Kesemua pengeluaran makanan - daripada tanaman, ternakan, perikanan, akuakultur dan perhutanan memerlukan air. Kekurangan air boleh menyebabkan kepada kekurangan nutrisi dan juga kebuluran.

**3-5,000** liter air diperlukan untuk menghasilkan satu kilogram beras



**35** liter air digunakan untuk memproses satu tin Buah-Buahan atau Sayur-Sayuran



**15,000** liter air untuk satu kilogram Daging Lembu



**25,700** liter air diperlukan untuk menyediakan makanan harian bagi sebuah keluarga yang mempunyai empat ahli



## TAHUKAH AWDA?

99.9% penduduk negara ini dibekalkan dengan air yang bersih melalui rangkaian paip air ke setiap rumah.

Jabatan Perkhidmatan Air, Jabatan Kerja Raya adalah agensi yang bertanggungjawab dalam membekalkan air bersih kepada setiap orang ramai.

Negara ini mempunyai lapan loji rawatan air yang terletak di seluruh negara.

Air diuji setiap dua jam di loji rawatan air bagi memastikan ianya adalah selamat untuk digunakan.

Air diproses dan dirawat menurut garis panduan Pertubuhan Kesihatan Sedunia.

Klorin dibubuhkan di dalam rawatan air bagi membunuh bakteria manakala Fluorida bagi mencegah kerosakan gigi.

Rangkaian paip air di negara ini adalah sebanyak 2,920km bersamaan dengan 5 kali ganda panjang pensisiran pantai negara kita.

Jumlah pengeluaran air adalah 458,000 m<sup>3</sup> sehari.

Penggunaan air setiap hari bagi setiap penduduk di negara ini adalah yang TERTINGGI di rantau ASEAN iaitu 420 liter sehari bersamaan dengan 280 botol besar air mineral.

Kadar tarif air domestik di negara ini adalah yang TERMURAH di rantau ASEAN bagi penggunaan 54.54 m<sup>3</sup> pertama iaitu \$0.11 bagi setiap meter padu.

Di negara ini, 77% sumber air adalah bagi kegunaan domestik dan komersial, 18% bagi industri minyak dan gas dan 5% bagi pertanian.

Terdapat lebih daripada 83,000 akaun air di seluruh negara.

- Daerah Brunei-Muara hampir 60,000
- Daerah Tutong lebih daripada 8,000
- Daerah Belait lebih daripada 12,000
- Daerah Temburong lebih daripada 2,000

Sejak tahun 2007, 'spot billing' telahpun digunakan. Pembaca meter akan memasukkan bacaan meter ke dalam alat 'handheld' dan bil air akan dicetak menggunakan pencetak mudah alih.

Ujian air di makmal air utama telah diiktiraf sehingga kini dengan ISO 17025 sejak tahun 2007.

Kaedah ujian air adalah mengikut Piawaian bagi Pemeriksaan Air dan Sisa Air.

Setitik air yang menitik setiap saat akan menyebabkan pembaziraan

**110,000** liter setiap tahun.



*Gunakan Air Dengan Bijaksana*